



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PENCAHAYAAN KE LAMPU JENIS JIMAT TENAGA (FASA 6) DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
(NO. TENDER : PPJ/T/JB/49/2022)**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)</p> <p>Gred : G3</p> <p>Kategori : ME</p> <p>Pengkhususan : E04 dan E11</p> <p>&</p> <p>Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera</p>	<p>27 Oktober 2022 (Khamis)</p> <p>10.00 pagi</p> <p>Bilik Mesyuarat Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>27 Oktober 2022 (Khamis)</p> <p>sehingga</p> <p>7 November 2022 (Isnin)</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia RM 300.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Tunai / Deraf Bank</p> <p>Perbadanan Putrajaya</p>	<p>18 November 2022 (Jumaat)</p> <p>12.00 tengah hari</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
4. Taklimat tender akan diadakan pada **27 Oktober 2022 (Khamis), 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya pegawai syarikat yang ditauliahkan di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) adalah **DIBENARKAN HADIR** mewakili syarikat. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Cap Syarikat.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Sijil SPKK **dan satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**.
6. Tender ini akan ditutup pada **18 November 2022** bersamaan hari **Jumaat, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.